



"ARAK IBU SEGALA MAKSIAT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ
وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنَصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat sekalian,

Saya berpesan buat diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala



suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan di kalangan orang-orang yang berjaya di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat sekalian,

Antara larangan yang sangat perlu dijauhi oleh kita sebagai Muslim adalah larangan meminum arak. Justeru, marilah kita menghayati khutbah kali ini yang bertajuk "**ARAK IBU SEGALA MAKSIAT**".

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 90 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah perbuatan keji yang termasuk amalan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."

Sidang Jumaat sekalian,

Arak adalah apa sahaja minuman yang menyebabkan peminumnya menjadi mabuk dan hilang pertimbangan akal. Apabila akal tidak dapat berfungsi mengawal pergerakan dan perbuatan manusia, maka ia sangat terdedah kepada perlakuan negatif dan jahat. Kerana itulah, arak disebut sebagai ibu segala maksiat. Hakikat ini tidak sukar untuk difahami oleh manusia. Beberapa fakta berikut menunjukkan bahawa arak memang membawa pelbagai kejahanan:

- i. Kajian pernah dijalankan di Amerika Syarikat, England, Kanada dan Afrika Selatan tentang hubungan budaya meminum arak dengan kes keganasan rumah tangga. Ia mendapati bahawa terdapat hubungkait yang ketara antara ketagihan arak oleh suami atau isteri yang



mengakibatkan keganasan rumahtangga terhadap pasangan masing-masing.

- ii. Kajian statistik pernah dilaksanakan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol telah menyumbangkan kepada 13,846 kes kemalangan maut di negara tersebut. Ia menyamai 37% daripada keseluruhan 37,261 kes.
- iii. Wujud beberapa pergerakan dan organisasi di seluruh dunia yang menentang penggunaan arak di serata dunia, seperti Mothers Against Drunk Driving (MADD) atau Persatuan Ibu-ibu Menentang Pemandu Mabuk, Latvian Women's Anti-Alcohol Society (Persatuan Wanita Latvia Anti Alkohol) dan lain-lain.
- iv. Sejarah mencatatkan bahawa kerajaan Amerika Syarikat, sebuah negara liberal pernah mengharamkan penjualan, pengilangan dan pengangkutan arak kerana menyedari kemudaratannya. Ia dilakukan melalui pindaan perlembagaan negara dan Akta Larangan Kebangsaan pada tahun 1919. Malangnya, pada tahun 1933, Presiden Franklin Roosevelt menandatangani undang-undang baru yang membenarkan semula pengilangan dan penjualan arak.

Sidang Jumaat sekalian,

Demi memelihara akal dan kemaslahatan masyarakat, Islam melarang keras perbuatan meminum arak dengan ancaman menguatkuasakan hukuman yang berat. Pertama, pemindum arak yang disabitkan kesalahan berhak dikenakan sebatan hudud sebanyak 40 kali. Kedua, ibadah orang



meminum arak tidak diterima Allah. Ketiga, peminum arak tidak akan merasai arak di syurga yang lebih lazat tetapi tidak memabukkan.

Hadis daripada Abdullah Ibnu Amru RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa meminum arak, maka ibadah solatnya tidak diterima selama 40 malam. Jika dia bertaubat, maka Allah menerima taubatnya. Jika dia mengulanginya lagi, maka menjadi hak Allah untuk memberinya minum air nanah."

(Riwayat Ahmad).

Sebuah lagi hadis daripada Abdullah Ibnu Amru RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Barangsiapa meminum arak di dunia, maka dia tidak akan dapat meminumnya di akhirat, kecuali jika dia bertaubat."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Sidang Jumaat sekalian,

Selain dari itu semua, larangan berkaitan arak tidak terbatas kepada meminumnya sahaja. Orang-orang yang terlibat dengan urusan arak juga berdosa dan dilaknat Allah.

Hadis daripada Abdullah Ibnu Amru RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:



لَعْنَ اللَّهِ الْخَمْرَ وَشَارِبَهَا وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا
وَمُبْتَاعَهَا وَعَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَحَامِلَهَا
وَالْمَحْمُولَةُ إِلَيْهِ.

"Allah melaknat arak, peminumnya, penghidangnya, penjualnya, membelinya, pemerahnya, meminta agar ia diperah, pembawanya dan orang yang ia dibawa kepadanya".

(Riwayat Abu Daud dan Ahmad).

Dengan memahami buruknya dosa segala yang berkaitan dengan arak, maka kita hendaklah mengelakkan diri dari meminum arak, menjualnya, menghidangkannya, bekerja di kilangnya, memandu lori yang membawanya atau melabur dalam syarikat arak. Kesemua ini akan memalitkan kita dengan dosa arak.

Sidang Jumaat sekalian,

Terdapat salah faham di kalangan segelintir masyarakat tentang arak. Antaranya adalah arak dianggap minuman yang berprestij sebagai lambang kemewahan. Mereka mungkin terpengaruh dengan budaya Barat yang mengagong-agongkan minuman arak. Banyak filem yang menggambarkan adegan minum arak sebagai amalan biasa. Selain itu, terdapat sukan-sukan tertentu yang meraikan juara mereka dengan menggoncang dan menghamburkan arak daripada botol. Ada pula yang mempercayai arak sebagai sumber ekonomi yang menguntungkan.



Kesemua ini adalah tipudaya syaitan yang mahu menyesatkan dan merosakkan manusia supaya kekal dengan kejahilan mereka. Oleh itu, kita hendaklah sedar bahawa masih banyak sumber rezeki yang halal disediakan oleh Allah SWT. Sedangkan hasil pendapatan dari perniagaan arak hanya akan menghilangkan keberkatan daripada rezeki itu sendiri. Sebaliknya, orang yang meninggalkan perkara yang dilarang Allah, dijanjikan rezeki dan jalan keluar terbaik bagi segala masalahnya.

Sidang Jumaat sekalian,

Di Negeri Selangor, umat Islam adalah tertakluk dan terikat pada Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang berkuatkuasa sejak 22 November 1996 yang telah mengkategorikan meminum dan menjual arak sebagai suatu kesalahan jenayah syariah. Melalui Enakmen ini di bawah kategori kesalahan minuman yang memabukkan dinyatakan di bawah Seksyen 18 (1) dan (2) iaitu:

- (1) Mana-mana orang yang, di mana-mana kedai atau tempat awam lain, minum apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan untuk jualan, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.



Justeru, kita perlu dedahkan kesan negatif arak yang bukan sahaja mengancam kesejahteraan masyarakat sekeliling. Bahkan ia juga mengancam kesihatan diri, dan mental peminumnya. Mengambil arak secara berkala dan berterusan boleh menjeremuskan peminumnya kepada pelbagai penyakit seperti penyakit gastrik, penyakit pancreas, ulcer peptic, darah tinggi, penyakit jantung, penyakit kanser gigi dan penyakit saraf seperti sawan dan kebas.

Penagih arak pula akan hilang nilai diri, tidak terurus dan tidak segan silu bertindak berlawanan dengan norma kebiasaan masyarakat. Kesan kepada sosial pula termasuk fenomena tidak sedar diri, hilang pertimbangan diri, mudah marah dan bertindak ganas kepada orang di sekeliling, terutama ahli keluarga.

Justeru, Islam mengharamkan arak dan segala minuman yang memabukkan. Tidak kira sama ada ia dinamakan wain, wiski, beer, vodka, todi, samsu, tuak dan lain-lain. Walau diminum sedikit sahaja namun tetap diharamkan sebagaimana yang pernah disebut oleh nabi SAW.

Sebuah hadis daripada Jabir Bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَسْكَرَ كَثِيرُهُ فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ

"Barang yang memabukkan bila banyak, maka sedikit pun menjadi haram juga".

(Riwayat al-Tirmizi, Abu Daud, Ibn Majah, al-Nasa'i dan Ahmad).



Ini bererti, walaupun ada orang mendakwa boleh meminum arak secara terkawal dan mengelak dari mabuk, namun dia tetap berdosa besar dan layak dihukum seperti penjenayah mabuk yang lain. Ini adalah kerana arak mendorong kepada segala keburukan sama ada maksiat peribadi mahupun kerosakan dalam masyarakat. Bahkan kemabukan akibat arak juga mendorong manusia mengabaikan amanah dan melanggar hukum Allah yang lain.

Sidang Jumaat sekalian,

Daripada huraihan khutbah ini, dapatlah kita ambil pengajaran bahawa:

- i. Umat Islam hendaklah menjauhi perbuatan meminum arak kerana ia adalah dosa besar.
- ii. Umat Islam hendaklah mengelakkan diri dari terlibat dengan semua urusan berkaitan arak.
- iii. Umat Islam hendaklah mengelak dari melabur dalam saham syarikat dan perniagaan yang berkaitan dengan arak.
- iv. Umat Islam hendaklah mengelakkan diri menghadiri majlis-majlis yang menghidangkan arak.
- v. Umat Islam juga hendaklah mengelak dari bekerja di premis-premis yang menjual arak.
- vi. Umat Islam hendaklah sedar bahawa akibat buruk arak bukan sahaja mengenai peribadi peminum, tetapi ia turut menjelaskan masyarakat dan negara.



- vii. Kita perlu sedar bahawa balasan buruk akibat minum arak adalah dikenakan hukuman sebat hudud, juga diharamkan merasai arak di syurga, diseksa dalam neraka dan diminumkan air nanah ketika di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَنُ أَن يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ
وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ
الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ



“Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil) ?”.

(al-Maidah-91).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjasaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسُ شَاهُ
الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدُ
الْعَزِيزُ شَاهُ الْحَاجُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الْدِينِ ادْرِيسُ شَاهُ الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادُ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ
ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul **
04.03.2015